



Home » Dua buah PPV tambahan dibuka di Rembau



Khairy Jamaluddin ketika melawat PPV yang akan dibuka di Kompleks Pusat Islam Rantau, Rembau hari ini.-Foto MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Dua buah PPV tambahan dibuka di Rembau

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI 22 Jun 2021, 3:54 pm

REMBAU: Sebanyak dua buah lagi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) akan dibuka di daerah ini pada hujung bulan ini sebagai tambahan bagi meningkatkan jumlah pemberian vaksin kepada rakyat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin berkata, pembukaan dua buah PPV itu juga bagi menangani situasi sukar terutamanya kepada penduduk di Rantau yang terpaksa ke Seremban untuk mendapatkan vaksin Covid-19 mereka.

“Sebuah PPV di Kompleks Pusat Islam Rantau di sini dicadang untuk dibuka bagi menambah PPV sedia ada di Rembau, ia khusus buat penduduk di Rantau yang ketika ini terpaksa ke Seremban untuk mendapatkan vaksinasi. Kami mahu kurangkan pergerakan mereka untuk menerima vaksin dan ia akan mula beroperasi Julai ini.




“Saya juga telah meluluskan pembukaan sebuah lagi PPV di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Rembau yang akan beroperasi bulan Julai ini dan juga melihat beberapa lokasi lain untuk kawasan Senawang dan Paroi,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke lokasi cadangan lokasi PPV yang akan dibuka di Kompleks Pusat Islam Rantau, dekat sini hari ini.


Menurut Khairy lagi, apabila dibuka kelak PPV Kompleks Pusat Islam Rantau mampu memberi suntikan maksimum 400 dos sehari manakala di UiTM Rembau sebanyak 1,000 penerima sehari.

"Berkemungkinan boleh menggunakan konsep pandu lalu di Kompleks Balai Islam Rantau ini bagi dos kedua suntikan," katanya lagi.-K!ONLINE




BERITA SELANJUTNYA


by




**Kereta lawan arus
'berjemaah' di Pulau...**




**Cadang wujud PPV ikut
Parlimen**




**32 main badminton
dikompaun RM48,500**




**Inilah Cara Menjana
Wang dengan Bitcoin**




**Dilarang kahwin
sebelum tamat sekolah**




**Lelaki tertekan tiada
kerja semasa PKP,...**



**Kelantan buka PPV
sementara di masjid,...**



**Sasar 20,000 suntikan
sehari**



**Pegawai polis ditahan
dipercayai rogol janda...**





POPULAR



Uruguay masih ada kekurangan

23 Jun 2021, 11:15 am



Serius berpolitik, Hans enggan berlakon lagi?

23 Jun 2021, 11:00 am



Sumbat syabu, heroin dalam mesin basuh buruk

23 Jun 2021, 10:59 am



Jerman waspada 'si licik' Hungary

23 Jun 2021, 10:55 am



BERITA BERKAITAN



Sumbat syabu, heroin dalam mesin basuh buruk

23 Jun 2021, 10:59 am





Pengurus MARDI didakwa salah guna kuasa

23 Jun 2021, 10:52 am



PGA pintas 37 PATI masuk dan keluar negara

23 Jun 2021, 10:33 am



Kompaun rakyat naik, sektor kilang bila lagi?

23 Jun 2021, 10:30 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami